

KEWAJIPAN MENANGGUNG NAFKAH ANAK TAK SAH TARAF: SATU KAJIAN KES DI NEGERI KEDAH

*(The Duty to Provide Maintenance to Illegitimate Children:
A Case Study of the State of Kedah)*

*Abd. Ghani Ahmad
agba9900@gmail.com*

*Nuarrual Hilal Md. Dahlan
nuarrualhilal@gmail.com*

Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa,
Universiti Utara Malaysia.

Abstrak

Makalah ini bertujuan membincangkan pihak yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada anak tak sah taraf berdasarkan hukum syarak dan peruntukan undang-undang. Kaedah penulisan makalah ini berbentuk kualitatif sosial dan undang-undang. Data yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan data primer dan sekunder. Kajian ini menerapkan kaedah kajian kepustakaan dengan menganalisis al-Quran, sunah dan undang-undang secara induktif dan deduktif. Kajian mendapati ibu merupakan orang yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada anak tak sah taraf, manakala pihak bapa tidak dikenakan apa-apa tindakan. Keadaan ini menimbulkan ketidakadilan kepada pihak sebelah ibu dan anak tak sah taraf terbabit. Oleh itu, suatu mekanisme perlu diwujudkan bagi menangani isu nafkah anak tak sah taraf demi keadilan semua pihak.

Kata kunci: anak tak sah taraf, nafkah, kebajikan, hukum syarak, undang-undang

Abstract

These days, the births of illegitimate child are on the rise and have raised a great concern among the society. The issue at hand is who will be responsible to provide maintenance to these children? This maintenance issue, if not addressed properly, may cause injustices to illegitimate children. The objective of this writing is to discuss the actual parties responsible for providing maintenance to illegitimate children based on Islamic Law and the current legal provisions. This writing is a socio-legal and qualitative nature based on primary and secondary data sources. Library research also constitutes a principal data source used in this writing by way of inductive and deductive

analysis through references from the Holy Quran, al-Sunnah and laws. The outcome if this research is that the mother is the person responsible in providing maintenance to her illegitimate child. If the mother is incapable to do so, the responsibility is then shifted to the mother's heirs and if none, it will then be the responsibility of the government. There is no corresponding responsibility on part of the father. This situation may cause injustices towards the mother's part and the children. Thus, a refined mechanism should be adopted in dealing with the issues of welfare and maintenance of illegitimate children to ensure dispensation of justice to all parties.

Keywords: illegitimate children, maintenance, welfare, islamic law, law

PENDAHULUAN

Gejala kelahiran anak luar nikah atau anak tak sah taraf kini sudah menjadi isu besar kepada negara dan sangat membimbangkan masyarakat pada hari ini. Kisah pembunuhan dan pembuangan bayi sentiasa didedahkan oleh media, manakala jumlah wanita hamil luar nikah yang ditempatkan di pusat pemulihan semakin meningkat dari semasa ke semasa. Kebanyakan mereka terdiri daripada orang Melayu yang beragama Islam. Pelbagai pendekatan dan kaedah pelaksanaan, serta penguatkuasaan telah diperkenalkan oleh pihak berkuasa untuk mengurangkan kelahiran anak tak sah taraf tetapi masih tidak membuahkan hasil yang memberangsangkan. Menurut YB Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Timbalan Menteri Dalam Negeri dalam Persidangan Parlimen Malaysia yang bertarikh 18 Mac 2014 dan 19 Mac 2014 tentang kelahiran anak luar nikah oleh gadis bawah umur (16 tahun ke bawah), perangkaan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada tahun 2012–2013 mendapati jumlah anak luar nikah bagi gadis bawah umur yang melibatkan bangsa Melayu ialah seramai 1490 orang, manakala gadis bukan Melayu adalah seramai 1836 orang. Kes rogol gadis bawah umur yang dilaporkan kepada polis yang melibatkan bangsa Melayu pula ialah seramai 2390 orang, manakala yang melibatkan gadis bukan Melayu ialah seramai 584 orang. Sementara itu, kes rogol gadis bawah umur yang melibatkan gadis bukan Melayu yang tidak dilaporkan kepada polis berjumlah 1252 orang.¹

Menurut JPN Negeri Kedah, jumlah kelahiran anak tak sah taraf di Kedah pada tahun 2014 ialah seramai 1219 orang. Daerah Kuala Muda

1 Wan Hamzah Wan Paie. "Isu Terhadap Jawapan YB Timbalan Menteri Dalam Negeri tentang Statistik Kes Rogol Gadis Bawah Umur" melalui <http://www.moha.gov.my/index.php/en/kenyataan-media-akhbar>, 21 Mac 2014 (Capaian pada 1 Mei 2014).

mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu 267 orang atau 21.9 %, manakala daerah Bandar Baharu pula mencatatkan jumlah yang paling rendah, iaitu sembilan orang (0.74%).² Kelahiran anak tak sah taraf telah memberikan kesan tertentu kepada keluarga dan masyarakat, terutama dari aspek nafkah. Perlu disedari bahawa anak tak sah taraf ialah insan yang bermaruah dan mempunyai harga diri sama seperti kanak-kanak sah taraf yang perlu diberikan perhatian dari segi makan minum, pakaian, pendidikan, kebajikan dan perlindungan yang sempurna. Oleh itu, makalah ini akan menjelaskan siapakah yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepada anak tak sah taraf berdasarkan hukum syarak dan peruntukan undang-undang sedia ada.

DEFINISI ANAK TAK SAH TARAF

Dari Sudut Bahasa Arab

Anak tak sah taraf disebut sebagai *walad al-zina* yang bermaksud anak zina atau anak luar nikah. Zina dari sudut istilah ialah seseorang lelaki menyetubuhi seorang perempuan pada *qubul*³, bukan yang dimiliki dan *syubhah*⁴. Seseorang anak dihukumkan sebagai anak zina jika kelahirannya melalui persetubuhan tanpa pernikahan yang sah dan dinasabkan kepada ibunya bukan kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya.⁵

Dari Sudut Hukum Syarak

Para fuqaha bersepakat bahawa seseorang anak hanya boleh dinasabkan kepada lelaki dan perempuan yang melakukan persetubuhan, jika perkahwinan mereka sah di sisi hukum syarak, pemilikan atau *syubhah*.⁶ Sekiranya anak tersebut dilahirkan melalui perzinaan, maka anak itu tidak boleh dinasabkan kepada

2 Jabatan Pendaftaran Negeri Kedah, Surat rasmi kepada penulis, 12 Januari 2015.

3 *Qubul* bukan dimaksudkan persetubuhan di dalam dubur pada lelaki atau perempuan. Perbuatan ini tidak dinamakan zina di sisi Imam Abu Hanifah tetapi zina di sisi Muhammad dan Abu Yusuf, ulama Syaffii, Hanbali dan Maliki. Lihat Wahbah al-Zuhaili, 1409H/1989M. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Juzuk 6. Damsyik: Dar al-Fikr, hlm. 27.

4 *Syubhah* pada syarak ialah apa-apa yang dicurigai ke atas urusannya, tidak diketahui sama ada halal atau haram dan sama ada benar atau salah. Lihat Saadi Abu Jayb, 1431H/2011M. *Al-Qamus al-Fiqhi Lughatan wa Istilahan*. Damsyik: Dar al-Nuur al-Sibah wa Dar al-Siddiq al-'Ulum, hlm. 235.

5 Muhammad Rawwas Qal'aji, 1421H/2000M. *Al-Mausu'ah al-Fiqhiah al-Muyassarah*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Nafa'is, hlm. 1983.

6 'Ali Abdul Rahim 'Amir, 1433H/2012M. *Ahkam al-Ishbah fi al-Nasab fi Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Salam, hlm. 38.

penzina lelaki dan tidak boleh mewarisi hartanya.⁷ Oleh itu, kesahatarafan seseorang anak merujuk perkahwinan yang sah antara kedua-dua ibu bapanya. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Anak adalah hak pemilik hamparan (*al-firash*) sedangkan orang yang berzina (*al-‘ahir*) haknya adalah batu”.⁸

(Muslim)

Menurut al-Nawawi, *liwalid lilfirash* bermaksud seseorang lelaki yang mempunyai isteri atau hamba perempuan yang dimiliki akan menjadi *firash* baginya dan jika lahir anak dalam jangka masa enam bulan dari waktu persetubuhan, maka lelaki tersebut akan menjadi bapa kepada anak tersebut dan kedua-duanya berhak mewarisi mengikut hukum perwarisan. Imam Maliki dan Syafii, serta ulama lain mensyaratkan bahawa anak akan dinasabkan kepada lelaki yang menyetubuhi seseorang isteri atau hamba perempuan yang dimiliki dan menjadi *firash* dari waktu persetubuhan. Abu Hanifah pula tidak mensyaratkan dari waktu persetubuhan melainkan memadai dengan adanya akad. Kalimah *al-‘Aahir* bermaksud “penzina”, manakala *al-hijr* bermaksud “menyekat seseorang anak daripada memanggilnya”. Menurut al-Qurtubi, kedua-dua perkataan tersebut bermaksud merejam dengan batu kepada penzina yang *muhsan*.⁹

Dari Sudut Undang-undang

Undang-undang keluarga Islam mentafsirkan anak tak sah taraf sebagai “tidak sah taraf, berhubungan dengan seseorang anak, ertinya dilahirkan di luar nikah dan bukan anak daripada persetubuhan *syubhah*”.¹⁰ Dalam konteks anak tak sah taraf, persetubuhan *syubhah* mempunyai kaitan secara langsung dan ditafsirkan sebagai:

- 7 al-Dawish, Ahmad bin Abd al-Razak, 1423H/2002M. *Fatawa al-Lujnah al-Daimah Lil Mabhus al-‘Alamiah wa al-Ifia’*. Riyadh: Al-Mamlakah al-‘Arabiyah as-Su‘udiyah, Muassasah al-Amirah, hlm. 387.
- 8 Al-Imam al-Hafiz Muslim bin Hujjaj al-Naisaburi, 1428H/2007M. Sahih Muslim. “Bab al-Waladu Lil Firash” dlm. *Kitab Al-Radha’*. Hadis No. 3598. Beirut: Dar al-Makrifah, hlm. 663.
- 9 al-Syafii, Muhammad al-Amin bin Abdullah al-Ruumi al-‘Alawi al-Harari, 1430H/2009M. “Bab al-Radha’” dlm. *Syarah Sahih Muslim*. Hadis No. 3493. Juzuk 16. Jeddah: Dar al-Manhaji, hlm. 102.
- 10 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008, seksyen 2; Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 2; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 2; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 2; dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 2.

Persetubuhan *syubhah*, ertinya persetubuhan yang dilakukan di atas anggapan sah akad nikah akan tetapi sebenarnya akad itu tidak sah (*fasid*) atau persetubuhan yang berlaku secara tersilap dan termasuk mana-mana persetubuhan yang tidak dihukum had dalam Islam.¹¹

Begitu juga, “nasab” mempunyai hubungan yang rapat dengan anak tak sah taraf yang telah ditafsirkan sebagai “keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah”.¹² Ketiga-tiga tafsiran tersebut saling berhubung kait antara satu dengan yang lain dalam memberikan tafsiran yang jelas tentang pensabitan nasab anak tak sah taraf. Peruntukan ini juga menghuraikan kaedah menentukan nasab seseorang anak yang dilahirkan tanpa melalui ikatan perkahwinan yang selari dengan hukum syarak. Oleh itu, peruntukan tersebut dapat membantu pihak yang bermasalah tentang isu kesahatarafan anak agar menyelesaikannya di mahkamah syariah.

Dari Sudut Fatwa

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pada 26 September 2010 mentafsirkan anak tak sah taraf mengikut hukum syarak sebagai:

1. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina, rogol dan dia bukan daripada persetubuhan *syubhah* atau bukan daripada anak perhambaan.
2. Anak dilahirkan kurang dari enam bulan dua *lahzah* (saat) *qamariah* dari waktu *imkan ad-dukhul*.
3. Anak yang dilahirkan lebih dari enam bulan dua *lahzah* (saat) *qamariah* dari waktu *imkan ad-dukhul* selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut ialah anak luar nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya).
4. Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada lelaki sama ada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau yang mengaku menjadi

11 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008, seksyen 2; Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 2; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 2; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 2; dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 2.

12 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008, seksyen 2; Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 2; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 2; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 2; dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 2.

bapa kepada anak tersebut. Oleh itu, mereka tidak boleh mewarisi antara satu dengan yang lain, tidak boleh menjadi mahram dan bapa tersebut tidak boleh menjadi wali kepada anak tersebut.

5. Jika lelaki tersebut berkahwin dengan ibu kepada anak tak sah taraf itu dan sabit persetubuhan, maka hubungan anak tersebut dengan lelaki tersebut adalah seperti anak dengan bapa tiri dan mereka adalah mahram.¹³

Berdasarkan perbincangan, anak tak sah taraf boleh ditakrifkan berdasarkan dua aspek. Pertama, dari sudut fikah, anak tak sah taraf bermaksud anak yang lahir di luar pernikahan yang syarie (anak zina), anak *li'an*, anak *laqit* (pungut atau terdampar), anak mangsa rogol atau anak sumbang mahram. Kedua, dari sudut pentadbiran JPN, anak tak sah taraf ialah anak yang tidak mempunyai dokumen kelahiran akibat perkahwinan ibu bapanya tidak didaftarkan di mahkamah syariah.¹⁴

Kedudukan Sabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf kepada Bapa Biologi Berdasarkan Hukum Syarak

Menurut hukum syarak, kelahiran seseorang anak sama ada secara sah taraf atau tidak sah taraf dinasabkan kepada ibunya.¹⁵ Pensabitan nasab seseorang anak kepada bapanya hendaklah dilihat sama ada sesuatu perkahwinan itu sah, *fasid* atau *syubhah*.¹⁶ Oleh itu, seseorang anak boleh dinasabkan kepada bapanya berdasarkan tiga kaedah, iaitu *firash*¹⁷ (hampanan), *bayyinah*¹⁸ (keterangan) dan *iqrar*¹⁹ (pengakuan).

-
- 13 Jabatan Mufti Negeri Kedah, 23 Jun 2011. "Fatwa Mengenai Larangan Anak Tak Sah Taraf" dlm. Warta Kerajaan Negeri Kedah (Enakmen Mufti dan Fatwa [Kedah Darul Aman] 2008). Jilid 54, No. 13, hlm. 970.
 - 14 Irwan Mohd. Subri *et al.* (ed.), 2013. "Mem"bin/ti"kan Anak Tak Sah Taraf menurut Perspektif Syarak, Undang-undang dan Sosial". Laporan Eksekutif Perundingan Penyelidikan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama JAKIM dlm. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Ipoh, Perak, 9 Mac 2013.
 - 15 Wahbah al-Zuhaili, 2001. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid 7. Diterjemah oleh Ahmad Shahbari Salamon. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 854.
 - 16 Wahbah al-Zuhaili, 1409H/1989M. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Juzuk 7. Damsyik: Dar al-Fikr, hlm. 681.
 - 17 Suffian bin 'Umar Buraq'ah, 1428H/2007M. *Al-Nasab wa Mada Ta'thir al-Mustajaddad al-'Ilmiyyah fi Ithbatih*. Riyadh: Dar Kanzu Syibilia Lil Nasyri Wa al-Tauzi', hlm. 259.
 - 18 Suffian bin 'Umar Buraq'ah, 1428H/2007M. *Al-Nasab wa Mada Ta'thir al-Mustajaddad al-'Ilmiyyah fi Ithbatih*. Riyadh: Dar Kanzu Syibilia Lil Nasyri Wa al-Tauzi', hlm. 265.
 - 19 Suffian bin 'Umar Buraq'ah, 1428H/2007M. *Al-Nasab wa Mada Ta'thir al-Mustajaddad al-'Ilmiyyah fi Ithbatih*. Riyadh: Dar Kanzu Syibilia Lil Nasyri Wa al-Tauzi', hlm. 275.

Kaedah Hampan (*Firash*)

Firash ialah perempuan yang dijadikan hampan lelaki dan bersedap-sedapan dengannya.²⁰ *Firash* juga merujuk seorang wanita yang ditentukan untuk melahirkan anak bagi individu tertentu.²¹ *Firash* terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu *firash* isteri, *firash* hamba perempuan dan *shibhu al-firash*.

Firash Isteri

Menurut fuqaha, seseorang isteri yang melahirkan anak melalui perkahwinan yang sah atau *fasid* hendaklah dinasabkan kepada suaminya. Pandangan fuqaha adalah berdasarkan hadis yang bermaksud “*Seorang anak adalah milik tuan firash*”.²² Sekiranya berlaku perceraian bagi perkahwinan *fasid* sebelum tamat tempoh hamil maksimum dari tarikh perceraian dan genap enam bulan atau lebih dari waktu persetubuhan hendaklah dinasabkan kepada lelaki tersebut.²³ Pensabitan nasab secara *firash* ini hendaklah memenuhi tiga syarat, iaitu:

1. Suami mampu menghamilkan isterinya setelah baligh menurut mazhab Hanafi, Maliki dan Syafii atau hampir baligh (*murahiq*) menurut mazhab Hanbali. Suami juga mempunyai alat kelamin yang sempurna, tidak cacat dan berupaya menyetubuhi isterinya.²⁴
2. Suami dan isteri mempunyai keadaan tertentu yang membolehkan mereka bersetubuh selepas diakadkan.²⁵
3. Anak tersebut dilahirkan selepas enam bulan dari tarikh akad menurut mazhab Hanafi dan jumhur ulama mensyaratkan anak tersebut lahir setelah mencapai usia enam bulan dari waktu bersetubuh.²⁶

20 Wahbah al-Zuhaili, 1409H/1989M. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Juzuk 7. Damsyik: Dar al-Fikr, hlm. 681.

21 al-Jurjani, Ali ibn Muhammad ibn Ali al-Sayyid al-Zayn Abi al-Hasan, 1375H/1938M. *Al-Ta'rifat*. Kaherah: Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, hlm. 145.

22 al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail, 1428H/2007M. “Bab al-Waladu lil Firash” dlm. *Sahih Bukhari. Kitab Al-Faraid*. Hadis No. 6749. Beirut: Dar al-Ma'arif, hlm. 1647.

23 Ibnu Abidin, Muhammad Amin, 1386H/1966M. *Mughni al-Muhtaj*. Jilid 3. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah, hlm. 540.

24 al-Syarbini, Shamsu ad-din Muhammad bin Al-Khatib, 1371M/1958M. *Mughni al-Muhtaj*. Jilid 3. Kaherah: Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, hlm. 396.

25 Ibnu Abidin, Muhammad Amin, 1386H/1966M. *Mughni al-Muhtaj*. Jilid 3. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah, hlm. 647.

26 al-Ramli, Shams al-Din, Muhammad Ibn Abi al-Abbas Ahmad Ibn Hamzah Ibn Shihab al-Din, 1357M/1938M. *Nihayat al-Muhtaj*. Jilid 7. Kaherah: Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, hlm. 130.

Firash Hamba Perempuan

Menurut mazhab Hanafi, *firash* hamba tidak boleh dinasabkan, kecuali ada pengakuan tuannya bahawa anak tersebut ialah anaknya. Jika tuannya menafikan, maka anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepadanya. Menurut jumhur ulama, selain Hanafi, seorang hamba perempuan akan menjadi *firash* kepada tuannya apabila tuannya mengaku telah menyetubuhi hambanya itu.²⁷ Hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Saad bin Abi Waqqas telah bertelingkah dengan Abd. bin Zamaah tentang seorang budak. Saad berkata, “Wahai Rasulullah, budak ini ialah anak kepada saudaraku, Utbah bin Abi Waqqas yang mengaku kepadaku bahawa budak itu ialah anaknya. Cuba kamu lihat persamaannya.” Kata Abd. bin Zamaah pula, “Budak ini ialah saudaraku wahai Rasulullah, dia dilahirkan oleh hamba perempuan bapaku.” Rasulullah melihat wajahnya dan mendapati sangat mirip dengan Utbah. Baginda bersabda, “Dia ialah hak kamu wahai Abd., seorang anak adalah bagi tuan firash. Wahai Sawdah binti Zamaah hendaklah kamu berhijab daripadanya.” Kata Aishah, “Dia (budak itu) tidak pernah melihat Sawdah langsung.”²⁸

Oleh itu, anak yang dilahirkan selepas enam bulan atau lebih, anak tersebut dinasabkan kepada tuannya walaupun dinafikannya. Sekiranya hamba perempuan telah suci rahimnya daripada benih tuannya, anak yang lahir selepas enam bulan atau lebih dari waktu *istibra* (pembersihan rahim) tidak boleh dinasabkan kepada tuannya.²⁹

Shibhu al-Firash

Shibhu al-firash ialah sabitan nasab melalui persetubuhan *syubhah* yang terbahagi kepada tiga jenis, iaitu:

1. *Syubhah* milik seperti bapa menyetubuhi hamba perempuan anaknya kerana beranggapan hamba itu halal baginya.

27 al-Ramli, Shams al-Din, Muhammad ibn Abi al-Abbas Ahmad ibn Hamzah ibn Shihab al-Din, 1357M/1938M. *Nihayat al-Muhtaj*. Jilid 7. Kaherah: Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, hlm. 130.

28 Al-Imam al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-Asqalani, 1426H/2005M. "Bab Syira' al-Mamluk min al-Harabiyy wa Hibatihi wa 'Itaqihi" dlm. *Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari. Kitab al-Buyu'*. Hadis, No. 2218. Juzuk 4. Beirut: Darul Kitab al-'Alamiyyah, hlm. 352.

29 al-Syarbini, Shamsu ad-din Muhammad bin al-Khatib, 1371M/1958M. *Mughni al-Muhtaj*. Jilid 3. Kaherah: Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, hlm. 421-22.

2. *Syubhah* pada akad seperti suami telah menyetubuhi isterinya, namun mendapati isterinya ialah saudara perempuan sesusuanannya yang haram dikahwini.
3. *Syubhah* dalam perbuatan seperti seorang lelaki telah menyetubuhi seorang perempuan yang disangka isterinya tetapi perempuan itu bukan isterinya.³⁰

Oleh itu, seseorang anak lahir setelah genap usia enam bulan atau lebih daripada persetubuhan *syubhah*, maka anak itu dinasabkan kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya. Sekiranya seseorang anak lahir sebelum genap usia enam bulan dari tarikh persetubuhan *syubhah*, maka anak itu tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyetubuhi ibunya, kecuali lelaki tersebut mendakwa anak itu daripada benihnya.³¹

Kaedah Pengakuan (*Iqrar*)

Jika pengakuan nasab dilakukan oleh pengaku sendiri seperti seseorang bapa mengaku bahawa seseorang anak itu ialah anaknya atau seseorang anak mengaku bahawa seseorang itu ialah bapanya. Seseorang bapa yang mengaku bahawa seseorang anak itu ialah anaknya hendaklah memenuhi syarat berikut:

1. Seseorang yang diakui sebagai anak itu tidak diketahui nasabnya. Hal ini bererti anak itu tidak mempunyai bapa selain orang yang membuat pengakuan.³²
2. Pengakuan itu munasabah dari segi fakta. Misalnya, terdapat jurang perbezaan umur yang munasabah yang menunjukkan antara mereka ada pertalian keluarga.³³
3. Pengakuan itu hendaklah diterima oleh orang yang diakui sebagai anak, jika dia telah baligh. Jika belum baligh atau gila, maka pengakuannya tidak diperlukan.³⁴

30 Ibnu Abidin, Muhammad Amin, 1386H/1966M. *Mughni al-Muhtaj*. Jilid 3. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah., hlm. 541.

31 Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah Ibn Ahmad (t.th). *Al-Mughni*. Jilid 7. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah, hlm. 421.

32 Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah Ibn Ahmad (t.th). *Al-Mughni*. Jilid 5. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah, hlm. 165.

33 al-Ramli, Shams al-Din, Muhammad ibn Abi al-Abbas Ahmad ibn Hamzah ibn Shihab al-Din, 1357M/1938M. *Nihayat al-Muhtaj*. Jilid 5. Kaherah: Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, hlm. 106-07.

34 Al-Syarbini, Shamsu ad-din Muhammad bin al-Khatib (1371M/1958M). *Mughni al-Muhtaj*. Jilid 4. Kaherah: Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, hlm. 108.

3. Pengakuan itu tidak melibatkan orang lain. Misalnya, pengakuan isteri atau bekas isteri (dalam idah) bahawa seseorang itu sebagai anaknya, maka pengakuannya hendaklah ditolak, kecuali diakui oleh suaminya atau disokong oleh keterangan lain. Keterangan seseorang wanita tidak cukup untuk menasabkan anak kepada suaminya.³⁵

Jika pengakuan nasab dibuat oleh orang lain seperti seseorang telah mengaku bahawa individu lain ialah saudara kandungnya yang membuktikan bahawa seorang itu ialah anak bapanya. Pengakuan seperti ini sah jika memenuhi tiga syarat, iaitu syarat (1), (2) dan (3), serta ditambah satu syarat lagi, iaitu pengakuan tersebut mestilah disokong oleh keterangan lain atau diperakukan oleh orang yang terlibat dengan pengakuan ini. Sekiranya tidak ada keterangan lain yang dapat dibuktikan atau orang yang terlibat tidak mengesahkannya, maka pengakuan tersebut akan hanya melibatkan diri pengaku sahaja. Imam Shafii, Imam Hanbali dan Abu Yusuf mensyaratkan pengakuan itu hendaklah diperakukan oleh ahli waris sama ada lelaki atau perempuan.³⁶

Kaedah Keterangan (*Bayyinah*)

Bayyinah ialah keterangan yang melibatkan orang yang didakwa bersama-sama pihak lain. Ulama berbeza pendapat tentang bilangan saksi untuk memberikan keterangan. Menurut Imam Maliki, hanya dua orang saksi lelaki sahaja. Menurut Abu Hanifah dan Muhammad, dua orang saksi lelaki atau seorang saksi lelaki bersama-sama dua orang saksi perempuan. Menurut Imam Shafii, Imam Hanbali dan Abu Yusuf, kesaksian semua ahli waris sama ada lelaki atau perempuan dibuat berdasarkan khabar yang didengar (*tasamu'*), iaitu berita yang tersebar luas dan masyhur dalam kalangan orang ramai. Para ulama empat mazhab sepakat mengatakan nasab boleh disabitkan dengan kesaksian berdasarkan berita yang didengar.³⁷ Abu Hanifah berpendapat *tasamu'* ialah berita yang didengar dengan bilangan *mutawatir* agar dapat diyakini. Menurut Abu Yusuf dan Muhammad, saksi hendaklah mendengar

35 Wahbah al-Zuhaili, 1409H/1989M. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Juzuk 7. Damsyik: Dar al-Fikr, hlm. 691.

36 al-Syarbini, Shamsu ad-din Muhammad bin al-Khatib (1371M/1958M). *Mughni al-Muhtaj*. Jilid 4. Kaherah: Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, hlm. 165.

37 Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah ibn Ahmad, t.th. *Al-Mugni*. Jilid 10. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah, hlm. 141.

berita yang disaksikan oleh dua orang lelaki atau seorang lelaki bersama-sama dua orang perempuan yang adil. Menurut Maliki, berita itu hendaklah didengar daripada bilangan yang dapat ditentukan kadarnya dan tersebar luas dalam kalangan orang ramai yang adil atau tidak dengan disyaratkan supaya saksi berkata, “kami mendengar sedemikian”. Menurut Imam Shafii yang paling *rajih*, saksi tersebut hendaklah mendengar daripada bilangan yang ramai dan diyakini bahawa mereka tidak berpakat melakukan pendustaan. Pendengaran itu hendaklah memberikan keyakinan atau hampir yakin (*al-Zann al-Qawiy*) dan saksi berkata “Aku menyaksikan bahawa dia ialah kepunyaannya atau anaknya”.³⁸

Kesaksian juga boleh berdasarkan kesan persamaan atau perbezaan (*qiyafah*). *Qiyafah* ialah kemahiran suatu golongan bangsa Arab yang dikenali sebagai *al-Qafah* untuk mengecam keturunan seseorang berdasarkan ciri fizikal seperti kesan tapak kaki, wajah, perwatakan, dan sebagainya. Juhum ulama (Imam Malik, Imam Syafii, Imam Ahmad, Abu Thawr dan Al-Auza’ie) berpendapat *qiyafah* boleh digunakan untuk menentukan nasab seseorang anak.³⁹ Pandangan mereka bersandarkan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Rasulullah SAW telah masuk menemuiku dalam keadaan gembira, wajahnya berseri-seri, baginda terus bersabda, “Tidakkah kamu ketahui bahawa sebentar tadi Mujazziz⁴⁰ telah melihat Zaid bin Harithah dan Usamah bin Zaid lalu dia berkata, ‘Sesungguhnya sebahagian tapak kaki ini adalah kepunyaan orang yang sama (keturunan)’”⁴¹

Imam Syafii mensyaratkan *qiyafah* boleh diterima sekurang-kurangnya oleh dua orang *qaif*. Menurut Imam Malik pula, terdapat dua riwayat yang berkait dengan pandangannya, iaitu pertama, menyamai pendapat Imam Syafii dan kedua, memadai seorang *qaif* sahaja.⁴² Selaras dengan perkembangan sains dan teknologi, satu kaedah baharu telah ditemui, iaitu

38 al-Ramli, Shams al-Din, Muhammad ibn Abi al-Abbas Ahmad ibn Hamzah ibn Shihab al-Din, 1357M/1938M. *Nihayat al-Muhtaj*. Jilid 7. Kaherah: Sharikat wa Maktabat wa Matba’at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh, hlm. 301–02.

39 Sayyid Sabiq, 1405H/1985M. *Fiqh al-Sunnah*. Jilid 3. Beirut: Dar al-Kutub, hlm. 256–57.

40 *Mujazziz* ialah gelaran bagi seorang *qaif* yang bernama Mujazziz al-Mudlajiy yang boleh mengecam atau menentukan keturunan sesuatu kaum.

41 al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail, 1428H/2007M. “Bab al-Waladu lil Firash” dlm. *Sahih Bukhari. Kitab al-Faraid*. Hadis No. 6749. Beirut: Dar al-Ma’arif.

42 Ibnu Rushd al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Ahmad, 1415H/1994M. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Jilid 2. Kaherah: Maktabah al-Khanji, hlm. 355.

Asid Deoksiribonukleik (*Deoxyribonucleic Acid (DNA)*) sebagai ujian klinikal yang digunakan untuk mengenal pasti keturunan. Tamadun Islam mengiktiraf penggunaan sains dan teknologi kerana mampu menyelesaikan masalah manusia. Pihak yang mempunyai kerjaya dalam bidang ini dianggap pakar kerana pandangan mereka diterima dan diiktiraf oleh mahkamah sebagai *al-bayyinah*.⁴³

Kedudukan Sabitan Nasab Anak Tak Sah Taraf kepada Bapa Biologi Berdasarkan Undang-undang Keluarga Islam

Dalam enakmen undang-undang keluarga Islam negeri di Malaysia, terdapat peruntukan khusus berkaitan dengan pensabitan nasab yang dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu pensabitan nasab sebagai anak, ibu atau bapa dan saudara seperti yang berikut:

Pensabitan Nasab sebagai Anak

Seseorang anak boleh disabitkan nasab kepada bapa sekiranya anak tersebut lahir selepas enam bulan *qamariah* perkahwinannya dengan seorang wanita atau dalam masa empat tahun *qamariah* selepas perceraian, selagi wanita tersebut tidak berkahwin lain. Pada masa yang sama, seseorang bapa boleh menafikan nasab anak tersebut secara *li'an* di mahkamah dengan kaedah sumpah mengikut prosedur yang ditetapkan.⁴⁴ Begitu juga, seseorang anak tidak boleh dinasabkan kepada bapa jika anak tersebut lahir selepas empat tahun *qamariah* dan jika ibu bapanya bercerai hidup atau bapanya meninggal dunia. Jika berlaku demikian, anak tersebut dikira sebagai anak tak sah taraf kepada bapanya. Sekiranya bapanya telah bercerai dengan ibunya dan bapanya masih hidup, pengakuan bapanya bahawa anak tersebut ialah anaknya boleh diterima.⁴⁵ Jika bapa meninggal dunia, pengakuan oleh waris bapanya bahawa anak tersebut ialah anak kepada si mati boleh diterima. Selain itu,

43 Siti Shamsiah Md. Supi. "Islam Iktiraf Ujian DNA" dlm. *Utusan Online*, 28 September 2007, http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0928&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm (Capaian pada 25 Julai 2015).

44 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Kedah) 2008, seksyen 111; Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 110; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 111; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 111; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 111.

45 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008, seksyen 112; Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 111; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 112; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 112; dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 112.

seseorang anak tidak boleh dinasabkan kepada bapa jika anak tersebut lahir kurang daripada enam bulan *qamariah* atau selepas empat tahun *qamariah*, walaupun terdapat pengakuan daripada ibunya yang telah tamat tempoh *iddahnya* sama ada beridrah kematian atau perceraian dan ibunya pula tidak berkahwin lain. Sebaliknya, jika anak tersebut lahir antara tempoh enam bulan *qamariah* hingga empat tahun *qamariah* dan diakui oleh ibunya, maka anak tersebut boleh dinasabkan kepada bapanya dan dikira sebagai anak sah taraf.⁴⁶ Selanjutnya terdapat peruntukan yang membenarkan nasab seseorang anak yang lahir antara tempoh enam bulan *qamariah* hingga empat tahun *qamariah* boleh dinasabkan kepada lelaki yang melakukan persetubuhan *syubhah* dengan ibunya. Persetubuhan *syubhah* merupakan *shibhu al-firash* yang diiktiraf oleh hukum syarak dalam pensabitan nasab anak.⁴⁷ Selain itu, terdapat lapan syarat yang membenarkan pengakuan seseorang bapa terhadap seseorang kanak-kanak sebagai anaknya yang sah taraf, jika:

1. Hanya seorang lelaki sahaja yang dikaitkan sebagai bapa kepada anak tersebut.
2. Perbezaan umur antara bapa dengan anak tersebut munasabah.
3. Anak tersebut sudah baligh dan boleh menentukan kedudukan dirinya.
4. Ibu dan bapanya berkahwin secara sah dan telah bersetubuh.
5. Bapa mengakui anak tersebut sah taraf dan daripada benihnya yang halal.
6. Bapa berkelayakan mengikat kontrak.
7. Pengakuan bapa adalah untuk mengiktiraf kesahtarafan anak tersebut.
8. Pengakuan bapa mengiktiraf anak tersebut sebagai anak kandungnya.⁴⁸

46 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008, seksyen 113; Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 112; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 113; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 113; dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 113.

47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008, seksyen 114; Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 113; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 114; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 114; dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 114.

48 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008, seksyen 115; Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 114; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 115; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 115, dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 115.

Sekiranya pengakuan bapa tersebut memenuhi lapan syarat tersebut tetapi jika terdapat keterangan lain yang boleh menafikan pengakuan tersebut dan membuktikan tidak wujud sebarang pertalian antara bapa dengan ibunya, maka pengakuan tersebut dengan sendirinya tertolak.⁴⁹

Pensabitan Nasab sebagai Ibu atau Bapa

Jika lelaki yang dikaitkan sebagai bapa mengaku bahawa seseorang itu anaknya, maka pengakuannya boleh diterima walaupun tanpa pengakuan daripada wanita tersebut. Sebaliknya, jika wanita yang dikaitkan sebagai isteri lelaki tersebut sama ada masih dalam perkahwinan atau dalam tempoh *iddah* perceraian mengaku bahawa seseorang itu ialah anaknya, maka pengakuannya tidak boleh diterima, kecuali diakui bersama-sama oleh suaminya. Sekiranya suami wanita tersebut telah meninggal dunia dan berada dalam tempoh *iddah*, maka keterangan tersebut boleh diterima jika terdapat keterangan lain seperti laporan perubatan yang boleh dibuktikan.⁵⁰ Jika seseorang anak mengaku seorang lelaki sebagai bapanya, maka pengakuannya diterima jika pengakuan tersebut diakui sah oleh lelaki tersebut ketika masih hidup berdasarkan perbezaan umur yang munasabah antara kedua-duanya dan hubungan kekeluargaan yang telah terjalin erat. Apabila lelaki tersebut telah meninggal dunia, maka pengakuan anak tersebut hanya boleh diterima jika telah diakui sah oleh lelaki tersebut semasa hayatnya.⁵¹

Pensabitan Nasab sebagai Saudara

Terdapat satu peruntukan sahaja yang mengiktiraf seseorang itu sebagai saudara kandung jika terdapat pengakuan oleh seseorang yang disabitkan dengan nasab persaudaraan. Jika pengakuan itu dibuktikan dengan keterangan lain,

49 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah) 2008, seksyen 116; Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 115; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 116; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 116; dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 116.

50 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah) 2008, seksyen 117; Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 116; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 117; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 117; dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 117.

51 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008, seksyen 118; Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 117; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 118; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 118, dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 118.

maka pengakuan tersebut boleh diterima.⁵² Dapat difahami bahawa terdapat peruntukan tertentu untuk menentukan nasab seseorang anak tak sah taraf seorang lelaki yang boleh dikaitkan sebagai bapanya mengikut undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Namun, terdapat perbezaan peruntukan dalam undang-undang keluarga Islam antara negeri dalam mensabitkan bapa biologi sebagai bapa kandung anak tak sah taraf. Undang-undang kesalahan jenayah syariah juga tidak menetapkan kewajipan untuk mensabitkan bapa biologi sebagai bapa kandung anak luar nikah dan mengenakan hukuman terhadap mereka. Oleh sebab itu, hukuman bagi kesalahan tersebut dikenakan terhadap wanita sahaja kerana *qarinah* lebih mudah diperoleh daripada wanita, kecuali jika terdapat keterangan berlakunya persetubuhan haram, maka pasangan lelakinya boleh dihukum.⁵³

DEFINISI NAFKAH

Terdapat dua definisi nafkah dari segi bahasa dan istilah. Pertama, nafkah berasal daripada perkataan *anfaqa*, iaitu mengeluarkan harta atau memberikannya. Dari segi bahasa, nafkah bermaksud mengeluarkan dan berlalu pergi, memberi makan kepada binatang yang melata, apa-apa yang dikeluarkan oleh tuan punya barang atau barang yang boleh musnah.⁵⁴ Dari segi istilah, fuqaha atau nafkah bermaksud mengeluarkan saraan kepada seseorang yang diwajibkan ke atasnya seperti roti, lauk-pauk, pakaian, tempat tinggal dan apa-apa yang berkaitan dengan harga air (di Tanah Arab), minyak sapi, lampu, dan seumpama dengannya.⁵⁵

Kedua, nafkah juga berasal daripada perkataan *nafaqa*, iaitu mengeluarkan. Dari segi bahasa bermakna apa-apa yang dikeluarkan oleh manusia terhadap anak-anaknya. Dari segi istilah syarak bermakna memberikan belanja secukupnya mencakupi makanan, pakaian dan tempat tinggal.⁵⁶

52 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah) 2008, seksyen 119; Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 118; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 119; Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 119; dan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 119.

53 Hasnizam Hashim, "Beban Pembuktian dalam Kes Wanita Hamil Luar Nikah: Satu Huraian dari sudut Undang-undang Keterangan Islam dan Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992, seksyen 50" dlm. *Jurnal Hukum* 35:2, hlm. 205, 2012.

54 Al-Imam Al-'Allamah Ibn Manzur, 1423H/2003M. *Lisanul 'Arab*. Juzuk 8. Kaherah: Dar al-Hadis, hlm. 656.

55 Abdul Rahman bin al-Juzairi, 2001. "Bab al-Nikah Wa al-Talaq" dlm. *al-Fiqh 'Ala al-Mazahib al-Arba'ah*. Juzuk 4. Kaherah: Muassasah al-Mukhtar, hlm. 411.

56 Wahbah al-Zuhaili, 2001. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid 7. Diterjemahkan oleh Ahmad Shahbari Salamon. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 948.

Menurut Imam Hanafi, nafkah ialah makanan, pakaian dan tempat tinggal yang lazimnya merujuk makanan. Imam Maliki menyebut nafkah ialah apa-apa yang dengannya boleh menguatkan tubuh badan seseorang tanpa membazir. Imam Syafii pula berpendapat nafkah ialah menyediakan makanan yang ditentukan kadarnya oleh seseorang suami kepada isteri, *'usul* dan *furuq*, hamba dan haiwan dengan apa-apa yang mencukupinya. Menurut Imam Hanbali, nafkah ialah apa-apa sahaja yang boleh menyelamatkan seseorang daripada mati seperti roti, lauk-pauk, pakaian, tempat tinggal dan yang ada hubung kait dengannya.⁵⁷

KEWAJIPAN MENANGGUNG NAFKAH ANAK TAK SAH TARAF

Ibu bapa merupakan orang yang paling utama menanggung nafkah anak-anak.⁵⁸ Oleh sebab itu, Islam mewajibkan setiap ibu bapa memberikan nafkah kepada anak-anak sama ada anak-anak mereka fakir, masih kecil, sakit atau gila.⁵⁹ Di Malaysia, undang-undang keluarga Islam di negeri dan Wilayah Persekutuan mempunyai peruntukan tentang nafkah anak, termasuk peruntukan tentang kewajipan ibu menyara nafkah anak tak sah taraf.⁶⁰ Terdapat tiga pihak yang dipertanggungjawabkan memberikan nafkah kepada anak tak sah taraf sama ada ibu atau waris ibu atau pemerintah (baitulmal).⁶¹

Tanggungjawab Ibu

Pada dasarnya, tanggungjawab memberikan nafkah kepada anak-anak merupakan tanggungjawab bapa kerana bapa berkewajipan menunaikan segala keperluan mereka di hadapan Allah dan masyarakat.⁶² Kewajipan tersebut

57 al-Baghawi, Al-Imam Abi Muhammad al-Hussain bin Mas'ud bin Muhammad bin al-Farra', 1418H/1997M. *Al-Tahzib Fi Fiqhi al-Imam al-Syafii*. Juzuk 6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Alamiyyah, hlm. 319.

58 Badruddin Ibrahim dan Azizah Mohd., "Hak Anak terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam: Sejauh Manakah Bapa Bertanggungjawab Menyara Nafkah Anak" dlm. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 25:2, hlm. 256, 2013.

59 al-Husaini, Imam Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad, 1429H/2008M. *Kifayah al-Akhyar fi Hilli Gha'yah al-Ikhtisar*. Juzuk 2, Beirut: Dar al-Minhaji, hlm. 576.

60 Nora Abdul Hak, 2004. "Hak Kanak-Kanak dari Aspek Hadhanah dan Nafkah: Di Bawah Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia". Kertas kerja dalam Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak. Gurney Resort Hotel and Residences, Pulau Pinang, 21-22 Julai 2004, hlm. 4.

61 Wahbah al-Zuhaili, 1409H/1989M. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Juzuk 7. Damsyik: Dar al-Fikr, hlm. 785.

62 Khadijah al-Nabarawi, 1427H/2006M. *Mausu'ah Huquq al-Insan fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam, hlm. 41.

berasaskan tiga faktor, iaitu perkahwinan, keturunan dan pemilikan.⁶³ Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Dan kewajiban bapa pula ialah memberikan makan dan pakaian kepada ibu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya”.*⁶⁴

(Surah al-Baqarah 2:233)

Begitu juga dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah r.a. bahawa Hindun binti ‘Utbah telah berjumpa dengan Rasulullah SAW dan berkata, “Ya Rasulullah, sesungguhnya Abu Suffian (suaminya) ialah seorang yang kedekut. Dia tidak memberikan belanja yang cukup untuk saya dan anak-anak kami, kecuali jika saya ambil dengan tidak diketahuinya.” Rasulullah SAW menjawab pertanyaan tersebut dengan bersabda, “Ambillah sekadar yang cukup untuk keperluan kamu dan anak-anak kamu dengan cara yang baik”.*⁶⁵

Kedua-dua nas tersebut menegaskan bahawa seseorang bapa bertanggungjawab sepenuhnya menyara nafkah anak-anaknya dan kewajiban tersebut tidak dikongsi bersama-sama dengan pihak lain.⁶⁶ Sekiranya bapa sudah meninggal dunia atau tidak berkemampuan untuk menyara nafkah, maka tanggungjawab menyara nafkah anak berpindah kepada ibu.⁶⁷ Ibu berkewajipan menyara nafkah anak, termasuk anak tak sah taraf kerana dinasabkan kepadanya dan tidak dinasabkan kepada bapa yang menyetubuhinya.⁶⁸ Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Janganlah menjadikan seseorang ibu menderita kerana anaknya”.*⁶⁹

(Surah al-Baqarah 2:233)

63 al-Syarbini, Shamsu ad-din Muhammad bin al-Khatib, 1418H/1997M. *Mughni al-Muhtaj*. Juzuk 3. Beirut: Dar al-Ma’rifah, hlm. 558.

64 *Surah al-Baqarah* 2:233.

65 Jam’u Jawami’ al-Ahadis wa al-Asanid wa Maknin al-Sihhah wa al-Sunan wa al-Masanid, 1431H/2010M. *Sahih Bukhari. Kitab al-Nafaqaat*. Juzuk 3. Kaherah: Jam’iah al-Maktabah al-Islami, hlm. 1123.

66 al-Marghinani, Burhanuddin Ali ibn Abi Bakr, 1420H/2000M. *al-Hidayah Sharh Bidayat al-Mubtadi*. Jilid 3. Kaherah: Dar al-Salam, hlm. 653.

67 Wahbah al-Zuhaili, tarikh. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Juzuk 7. Tempat: Penerbit, hlm. 826–27.

68 Wahbah al-Zuhaili, tarikh. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Juzuk 7. Tempat: Penerbit, hlm. 681.

69 *Surah al-Baqarah* 2: 233.

Al-Qurtubi memetik pendapat jumur ahli tafsir yang sepakat menyatakan bahawa ibu tidak boleh enggan menyusui anaknya hanya kerana mahu menyusahkan bapa anaknya. Ibu dilarang menuntut upah menyusui melebihi kadar yang munasabah dan bapa tidak boleh menghalang ibu menyusui anaknya apabila ibu menghendakinya.⁷⁰ Kewajipan ibu menyara nafkah anak tak sah taraf disebabkan pertalian darah (nasab) bersamaan dengan kewajipan bapa memberikan nafkah kepada anak yang dinasabkan kepadanya. Antara syarat menyara nafkah anak adalah seperti yang berikut:

1. Anak itu miskin tidak mempunyai harta sendiri untuk menafkahkan dirinya.
2. Anak itu belum boleh berdikari atas harta yang dimilikinya atau usahanya sendiri.
3. Tanggungjawab nafkah berpindah kepada waris, jika bapa tidak berkemampuan.⁷¹

Sekiranya ibu atau bapa tidak mempunyai harta tetapi mempunyai pekerjaan yang cukup untuk dirinya sahaja, maka timbul perselisihan dalam kalangan ulama sama ada wajib atau tidak memberikan nafkah kepada anak. Menurut pendapat yang sahih dan disokong oleh majoriti ramai (*al-aksarun*) wajib memberikan nafkah kepada anak, manakala pendapat yang kedua mengatakan tidak wajib.⁷² Sekiranya anak mempunyai harta atau pekerjaan, maka ibu atau bapanya tidak wajib memberikan nafkah kerana anak tidak lagi berhajat kepada pemberian nafkah sama ada anak tersebut sakit, gila atau buta. Sebaliknya, ibu atau bapa wajib memberikan nafkah jika anaknya fakir, sakit, gila atau masih di bawah umur yang belum mampu bekerja. Menurut Abu Thur, ibu atau bapa berkewajipan memberikan nafkah kepada anaknya walaupun anaknya mempunyai kelebihan rezeki.⁷³ Sekiranya anak itu sihat tetapi tidak boleh bekerja, maka timbul persoalan adakah ibu atau bapa wajib memberikan nafkah kepada anak dalam keadaan tersebut? Al-Rafi' menyatakan wajib seperti juga anak wajib memberikan nafkah jika

70 al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansori, 1428H/2007M. *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Juzuk 3. Kaheerah: Dar al-Hadis, hlm. 143.

71 Muwaffiq al-Din wa Shams al-Din Ibn Qudamah, (t.th.). *Al-Mughni wa Syarh al-Kabir*. Juzuk 7. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 258–59.

72 al-Husaini, Imam Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad, 1429H/2008M. *Kifayah al-Akhyar fi Hilli Gha'yah al-Ikhtisor*. Juzuk 2. Beirut: Dar al-Minhaji, hlm. 577.

73 al-Husaini, Imam Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad, 1429H/2008M. *Kifayah al-Akhyar fi Hilli Gha'yah al-Ikhtisor*. Beirut: Dar al-Minhaji, hlm. 577.

ibu bapanya berada dalam keadaan yang sama. Menurut pendapat yang sah, tidak wajib kerana nas hanya mewajibkan pemberian nafkah kepada anak yang belum cukup umur berbeza dengan anak yang sakit dan gila.⁷⁴

Enakmen undang-undang keluarga Islam di seluruh negeri di Malaysia mempunyai peruntukan yang mewajibkan setiap wanita yang melahirkan anak tak sah taraf memberikan nafkah mengikut kemampuannya. Misalnya di Kedah⁷⁵, Wilayah Persekutuan⁷⁶, Selangor⁷⁷, Negeri Sembilan⁷⁸ dan Perlis⁷⁹ mempunyai peruntukan yang hampir sama seperti yang berikut:

Jika seseorang perempuan cuai atau enggan menanggung nafkah seseorang anaknya yang tak sah taraf yang tidak berupaya menanggung nafkah dirinya, melainkan seorang anak yang dilahirkan akibat dirogol, mahkamah boleh, apabila hal itu dibuktikan dengan sewajarnya, memerintahkan perempuan itu memberikan apa-apa elaun bulanan yang difikirkan munasabah oleh mahkamah.

Kebanyakan kes yang dirujuk di mahkamah syariah di Malaysia berkaitan dengan tuntutan selepas perceraian seperti nafkah idah, nafkah anak, tunggakan nafkah isteri dan anak, mutaah, hadanah dan harta sepencarian, manakala kes yang berkaitan dengan kesahtarafan anak terlalu sedikit diputuskan oleh mahkamah.⁸⁰ Kes kesahtarafan anak yang banyak diputuskan oleh mahkamah adalah berkaitan dengan permohonan untuk mendapatkan kebenaran pernikahan menggunakan wali hakim. Secara keseluruhannya, permohonan tersebut diluluskan oleh mahkamah disebabkan oleh beberapa faktor. Antaranya termasuklah pasangan ibu bapanya mengaku telah berzina sebelum bernikah, kedua-dua pasangan tidak mempunyai dokumen pernikahan yang sah dan pernikahan tidak didaftarkan di jabatan agama Islam.⁸¹ Di Kedah, mahkamah syariah tidak

74 al-Husaini, Imam Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad, 1429H/2008M. *Kifayah al-Akhyar fi Hilli Gha'yah al-Ikhtisor*. Beirut: Dar al-Minhaji, hlm. 578.

75 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Kedah, 2008, seksyen 81.

76 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, seksyen 80.

77 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003, seksyen 81.

78 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 81.

79 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006, seksyen 81.

80 Che Maryam Ahmad, "Penentuan Nasab dan Amalannya di Mahkamah Syariah di Malaysia" dlm Zaini Nasohah *et al.* (ed.), 2004. *Syariah dan Undang-undang: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., hlm. 268.

81 Che Maryam Ahmad, "Penentuan Nasab dan Amalannya di Mahkamah Syariah di Malaysia" dlm Zaini Nasohah *et al.* (ed.), 2004. *Syariah dan Undang-undang: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., hlm. 268.

pernah memerintahkan seseorang ibu menyara nafkah anak tak sah taraf disebabkan tiada permohonan dibuat oleh mana-mana pihak, kecuali kes permohonan kesahatarafan anak untuk mendapatkan kebenaran pernikahan menggunakan wali hakim.

Dalam kes *Siti Nur Azira binti Hj. Abdul Ghani*⁸², bapa pemohon, Hj. Abdul Ghani telah bersekedudukan dengan ibunya, Norhayati binti Teh Idris tanpa dokumen perkahwinan yang sah. Tujuan permohonan tersebut adalah untuk menentukan status kesahatarafan anak dan kebenaran wali hakim sebagai wali nikah. Pada 13 Ogos 2012, mahkamah memutuskan bahawa pemohon, Siti Nur Azira binti Hj. Abdul Ghani yang lahir pada 9 September 1987 merupakan anak tak sah taraf Hj. Abdul Ghani dan wali nikah pemohon berpindah kepada wali hakim. Dalam kes *Ibrahim bin Mat Isa*⁸³, pemohon telah berkahwin dengan Sarbiah binti Kechik pada 10 Ogos 1989. Pada 29 Disember 1989, isteri pemohon telah melahirkan anak yang diberi nama Faizahnur binti Ibrahim. Pemohon mengakui anaknya telah dilahirkan kurang daripada enam bulan dua *lahzah* selepas perkahwinannya. Permohonan tersebut bertujuan untuk menentukan status kesahatarafan anak tersebut. Pada 3 Jun 2014, mahkamah memutuskan bahawa Faizahnur binti Ibrahim merupakan anak tak sah taraf kepada Ibrahim bin Mat Isa dan Sarbiah binti Kechik.

Terdapat juga kes permohonan kesahatarafan anak di mahkamah disebabkan oleh Jabatan Pendaftaran Negeri Kedah menolak nama anak dibinkan atas nama bapa apabila hendak membuat kad pengenalan. Dalam kes *Jamuri bin Ishak dan Azira binti Aziz*⁸⁴, pemohon telah berkahwin pada 22 Februari 1983. Pada 21 Jun 1998, pemohon kedua telah melahirkan anak dan diberi nama Mohd. Ikhtisam Adwa bin Jamuri. Tujuan permohonan dibuat adalah disebabkan Jabatan Pendaftaran Negeri Kedah meragui status kelahiran anak tersebut apabila pemohon hendak membuat kad pengenalan. Pengesahan status anak tersebut perlu diputuskan oleh mahkamah. Pada 4 Februari 2013, mahkamah memutuskan bahawa Mohd. Iktisham Adwa ialah anak tak sah taraf Jamuri bin Ishak dan Azira binti Aziz.

Tanggungjawab Waris Ibu

Ibu merupakan pihak yang paling rapat dengan anak tak sah taraf yang dinasabkan kepadanya, jika kelahiran anak tersebut tidak melalui jalan

82 Kes Mal No.: 02200-006-0181-2012, Mahkamah Tinggi Syariah Kedah.

83 Kes Mal No.: 02100-006-0187-2014, Mahkamah Tinggi Syariah Kedah.

84 Kes Mal No.: 02100-006-0028-2013, Mahkamah Tinggi Syariah Kedah.

perkahwinan yang sah.⁸⁵ Oleh itu, ibu berkewajipan memberikan nafkah kepada anaknya. Sekiranya ibu tidak mampu, tanggungjawab tersebut berpindah kepada ahli waris. Abu Thur menyatakan ahli waris harus memberikan nafkah kepada anak tersebut.⁸⁶ Pandangan Abu Thur adalah berdasarkan Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika bapa tiada)”⁸⁷

(*Surah al-Baqarah* 2:233)

Menurut al-Qurtubi, sebahagian ulama seperti Mujahid dan Atha’ menyatakan bahawa ahli waris lelaki sahaja yang wajib membayar kos penyusuan seperti bapa yang wajib menyarannya ketika hidup. Qatadah berpendapat waris bermaksud anak lelaki dan anak perempuan. Ahmad dan Ishak berpendapat waris membayar kos penyusuan anak kecilnya sekadar sebagai waris sahaja. Menurut Abu Hanifah, kewajipan memberikan nafkah kepada anak kecil dan kos penyusuannya terletak pada mahramnya. At-Tabari berpegang pada pandangan Abu Hanifah sambil menyatakan jika anak lelaki bapa saudara (sepupu) atau orang lain tidak menjadi mahramnya, maka mereka tidak wajib memberikan nafkah kepadanya. Sufyan berpendapat *al-waris* merujuk saudara kandung anak tersebut yang masih hidup setelah salah seorang daripada ibu bapanya meninggal dunia. Jika bapa meninggal dunia, maka ibu wajib membiayai keperluan anak jika anak tidak memiliki harta. Begitu juga, *’asabah* wajib membiayai penyusuan anak berdasarkan bahagiannya daripada harta pusaka.⁸⁸

Wahbah al-Zuhaili menjelaskan tanggungjawab waris ibu memberi nafkah kepada anak tak sah taraf adalah seperti yang berikut:

Ibu ialah waris, jadi wajib membiayai nafkah dengan jelas daripada nas al-Quran. Jika anak kecil itu ada nenek dan saudara lelaki, maka ke atas nenek satu perenam dan yang selebihnya ditanggung oleh saudara lelaki. Dengan ini jadilah susunan pembiayaan nafkah mengikut susunan pewarisan. Maka, sebagaimana nenek mendapat habuan pusaka satu perenam, ia juga wajib

85 ‘Ali Abdul Rahim ‘Amir, 1433H/2012M. *Ahkam al-Istibah fi al-Nasab fi Fiqh al-Islami*. Kaheerah: Dar al-Salam, hlm. 74.

86 al-Husaini, Imam Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad, 1429H/2008M. *Kifayah al-Akhyar fi Hilli Gha’yah al-Ikhtisar*. Juzuk 2. Beirut: Dar al-Minhaji, hlm. 578.

87 *Surah al-Baqarah* 2:233.

88 al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansori, 1428H/2007M. *Al-Jami’ li Ahkam Ahkam al-Quran*. Juzuk 3. Kaheerah: Dar al-Hadis, hlm. 144.

membayai nafkah satu perenam dan sebagaimana habuan pusaka yang selebihnya bagi saudara lelaki, maka begitu pula ia wajib membayai nafkah yang selebihnya setelah nenek membayai satu perenam. Jika berhimpun ibu bapa di sebelah ibu (nenek dan datuk di sebelah ibu), maka pembiayaan nafkah wajib ke atas emak ibu (nenek) kerana ia adalah ahli waris.⁸⁹

Oleh itu, jelaslah bahawa waris ibu yang utama yang dipertanggungjawabkan untuk memberikan nafkah ialah nenek (emak ibu) dan saudara lelaki seibu sama ada abang atau adik kepada anak tak sah taraf. Kadar saraan nafkah adalah mengikut bahagian yang diterima oleh waris tersebut dalam harta pusaka, iaitu nenek sebanyak satu perenam bahagian, manakala bakinya kepada saudara lelaki seibu. Yusuf al-Qaradhawi (2009) menyebut bahawa Islam mengutamakan nafkah kepada keluarga terdekat dan orang yang berada dalam tanggungannya sebelum diberikan kepada orang fakir, miskin, orang yang berjuang di jalan Allah dan orang yang dalam perjalanan (Ibnu Sabil).⁹⁰ Beliau merujuk hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Satu dinar kamu belanjakan di jalan Allah (berjihad), satu dinar kamu belanjakan bagi hamba (untuk memerdekakan hamba sahaya), satu dinar kamu belanjakan bagi orang miskin dan satu dinar kamu belanjakan bagi keluargamu, yang paling besar pahalanya ialah yang kamu belanjakan untuk keluargamu”.*⁹¹

(Sahih Muslim)

Pemberian nafkah yang wajib lebih besar pahala di sisi Allah SWT berbanding dengan sedekah yang sunat.⁹² Nafkah merupakan hak seorang anak kecil yang lemah yang tidak mampu mengurus diri. Bapa ialah orang yang paling akrab dengan anak-anaknya yang disandarkan kepada nasab, maka hak memberikan nafkah adalah mengikut peringkat kaum kerabat.⁹³

89 Wahbah al-Zuhaili, 1409H/1989M. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*. Juzuk 7. Damsyik: Dar al-Fikr, hlm. 827–28.

90 Yusuf al-Qaradhawi, 2009. *Fiqh: Ekonomi Islam*. Diterjemah oleh Mohamad Dahlan Haji Arshad. Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn. Bhd., hlm. 307.

91 Al-Imam al-Hafiz Muslim bin Hujjaj al-Naisaburi, 1426H/2005M. “Bab Fadhl al-Nafqah ‘ala al-’Iyal Wa al-Mamluk” dlm. *Sahih Muslim*. No. 2308, hlm. 447.

92 Faisal bin Abdul Gha’rizal Mubarak, 1433H/2002M. “Bab al-Nafaqah ‘ala al-’Iyal” dlm. *Tadris Riyadh al-Solehin*. Riyadh: Dar al-’Asimah, hlm. 210.

93 Abdul Halim ‘Uwais, 1426H/2005M. *Mausu’ah al-Fiqh al-Islami al-Mu’asiri*. Mansurah: Dar al-Wafa’, hlm. 13.

Tanggungjawab Pemerintah

Merujuk hadis sahih yang disepakati bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“*Setiap kamu adalah penjaga dan kamu semua bertanggungjawab terhadap jagaanmu*”.⁹⁴

(al-Bukhari)

Hadis tersebut menjelaskan bahawa Rasulullah SAW mengingatkan setiap orang merupakan pemimpin dan setiap pemimpin hendaklah menunaikan sesuatu perkara yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Tanggungjawab sebagai pemimpin berbeza-beza antara satu dengan yang lain sama ada kecil atau besar bergantung pada wilayah penguasaannya seperti gabenor atau khalifah. Setiap pemimpin akan dipersoalkan atas segala urusan yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Penjaga juga merujuk pemimpin yang bersifat amanah dan melakukan pembaikan (*islah*) dengan adil. Pembaikan dan keadilan akan dipersoalkan sama ada telah ditegakkan terhadap orang yang dijaganya atau sebaliknya?⁹⁵

Dalam sistem pemerintahan Islam, baitulmal bertanggungjawab menyediakan segala keperluan untuk orang yang memerlukan bantuan dan memenuhi keperluan mereka.⁹⁶ Baitulmal yang kini dikenali sebagai institusi kewangan atau bank merupakan tempat untuk menjaga harta kerajaan dan sebahagiannya digunakan untuk nafkah. Baitulmal terbahagi kepada empat cabang, iaitu zakat, harta *ghanimah* (rampasan perang), harta rampasan (*al-Fai*) dan harta yang hilang.⁹⁷ Baitulmal juga disebut sebagai khazanah (perbendaharaan) Islam.⁹⁸ Al-Kasani dalam membicarakan tanggungjawab baitulmal mengurus harta dan kewajipan menyatakan bahawa:

94 al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail (1428H/2007M). “Bab al-‘Abdu Ra’in fi Mali Sayyidih” dlm. *Sahih Bukhari. Kitab Al-‘Itqu*. Hadis No. 2558. Beirut: Dar al-Ma’arif, hlm. 656.

95 Faisal bin Abdul Gha’rizal Mubarak, 1433H/2002M. “Bab Haq al-Zauj ‘ala al-Mar’ah” dlm. *Tadris Riyadh al-Solehin*. Riyadh: Dar al-‘Asimah, hlm. 207.

96 Zaki al-Din Sya’ban, 1993. *Al-Ahkam al-Syariyyah lil al-Ahwal al-Syaksiah*. Banghazi: Jamiah Qar Yunus, hlm. 681.

97 Muhammad Rawwas al-Qal’aji, 1421H/2000M. *Al-Mausu’ah al-Fiqhiah al-Muyassarah*. Beirut: Dar al-Nafa’is, hlm. 370.

98 Muhammad Ibrahim al-Haqawi, 1430H/2009M. *Mu’jam Gha’rib al-Fiqh Wa al-‘Usul*. Jilid 1. Kaherah: Dar al-Hadis, hlm. 120.

Adalah menjadi tanggungjawab baitulmal menyediakan peruntukan untuk membeli ubat-ubatan kepada golongan fakir, membiayai kos rawatan orang yang sakit, menguruskan pengebumian jenazah bagi mereka yang tidak mempunyai harta, memberikan nafkah kepada anak-anak yang dijumpai (terdampar), orang-orang yang tidak mampu bekerja (daif), orang-orang yang tidak mempunyai ahli keluarga (kerabat) yang bertanggungjawab memberikan nafkah kepadanya, dan seumpamanya. Seseorang imam (pemerintah) hendaklah mengagihkan atau membahagikan hak tersebut kepada orang yang berhak menerimanya.⁹⁹

Terdapat suatu kisah yang masyhur tentang Saidina Umar dan harta baitulmal. Pada suatu malam Saidina Umar al-Khattab mendapat tahu bahawa seorang wanita bersama anak-anak kecilnya dalam keadaan lapar dan memerlukan makanan. Saidina Umar al-Khattab dengan sendirinya telah mengambil makanan daripada baitulmal lalu memberikan makanan kepadanya. Wanita tersebut mengucapkan terima kasih kepada Saidina Umar al-Khattab sambil berkata, “Sesungguhnya Allah berada di antara kami dan Umar.” Kisah ini menunjukkan bahawa seseorang pemerintah bertanggungjawab menjaga hak rakyatnya.¹⁰⁰ Menurut Ibnu Khuwaiz Mindad pemerintah berkewajipan menguruskan saraan nafkah anak yatim dalam kalangan orang fakir yang tidak memiliki harta yang diambil daripada baitulmal. Jika pemerintah tidak melakukannya, kewajipan menyara nafkah anak tersebut kembali kepada ahli keluarga (muslimin) yang terdekat dan yang jauh. Jika ibunya masih hidup, ibunya wajib menyusui dan menguruskan nafkah anaknya kerana ibu lebih dekat dengan anaknya.¹⁰¹

Di Kedah, baitulmal diwujudkan pada tahun 1962 di bawah seksyen 102 dan 172 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam (Negeri Kedah) 1962 dan kini di bawah Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Negeri Kedah) 2008, seksyen 47.¹⁰² Antara fungsi baitulmal di Kedah termasuklah menguruskan permohonan dan membuat siasatan terhadap permohonan bantuan daripada pelbagai pihak, terutamanya lapan asnaf yang layak menerima zakat. Di Wilayah Persekutuan, baitulmal telah menubuhkan

99 al-Kasani, ‘Ala al-Din Abu Bakr bin Mas’ud al-Kasani al-Hanafi, 1328H. *Bada’i al-Sana’i*. Juzuk 4. Kaherah: Matba’ah al-Jamaliyyah, hlm. 69.

100 al-Kasani, ‘Ala al-Din Abu Bakr bin Mas’ud al-Kasani al-Hanafi, 1328H. *Bada’i al-Sana’i*. Juzuk 4. Kaherah: Matba’ah al-Jamaliyyah, hlm. 682.

101 al-Qurtubi, 1428H/2007M. *Al-Jami’ li Ahkam Ahkam al-Quran*. Juzuk 3. Kaherah: Dar al-Hadis, hlm. 144.

102 Majlis Agama Islam Negeri Kedah, <http://www.maik.gov.my/index.php?q=en/content/bahagian-baitulmal> (Capaian pada 23 Julai 2015).

dua institusi pendidikan, iaitu Institut Profesional Baitulmal (IPB) dan Institut Kemahiran Baitulmal (IKB). IPB ditubuhkan pada 23 April 1992 bertujuan untuk melahirkan profesional Muslim, memasyarakatkan ilmu pengetahuan ke arah pembentukan masyarakat madani dan meningkatkan taraf ekonomi umat Islam.¹⁰³ IKB pula ditubuhkan pada tahun 1991 yang bertujuan membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat Islam dengan cara memberikan mereka peluang menjalani latihan kemahiran supaya mereka boleh berdikari setelah tamat kursus.¹⁰⁴

Di Malaysia, terdapat agensi kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakan fungsi tertentu yang berkaitan dengan wanita dan kanak-kanak. Antaranya termasuklah:

1. Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat KPWK (M) yang berperanan untuk memelihara hak wanita, keluarga dan masyarakat dengan adil dan saksama tanpa unsur diskriminasi, serta memantapkan institusi keluarga.¹⁰⁵
2. Program Latihan Kemahiran di institusi dan kelas akademik dengan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sehingga ke institusi pengajian tinggi.¹⁰⁶
3. Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menyediakan program ibu tunggal seperti Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (I-KIT), Jejari Bestari dan Inkubator Keusahawanan Wanita (I-KeuNITA) dengan kerjasama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang bertujuan untuk meningkatkan pelibatan wanita, termasuklah wanita hamil luar nikah dalam aktiviti keusahawanan agar mereka boleh berdikari tanpa perlu bergantung pada kerajaan untuk membesarkan anak tak sah taraf.¹⁰⁷

103 Institut Profesional Baitulmal, <http://www.ipb.edu.my/mengenai-kami/> (Capaian pada 23 Julai 2015).

104 Institut Kemahiran Baitulmal, <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/perkhidmatan-kami/> (Capaian pada 23 Julai 2015).

105 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, <http://www.kpwkm.gov.my> (Capaian pada 25 April 2014).

106 Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Kanak-kanak, http://www.jkm.gov.my/mobile/index.php?pagename=pembangunan_kanak-kanak&lang=2 (Capaian pada 15 Mac 2015).

107 Malaysia. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. "RMK 10 (2011–2015)", hlm. 182–83, http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10_Mds.pdf. (Capaian pada 15 Mac 2015).

4. NGO seperti OrphanCARE mengendalikan Baby Hatcy di Petaling Jaya, Selangor dan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Negeri Kedah (LKPI) mengendalikan Rumah Perlindungan Nurul Hana (RPNH) di Jalan Stadium, Alor Setar. Yayasan OrphanCARE menerima dana daripada kerajaan sebagai insentif menjalankan program seperti forum, kempen, ceramah, dan sebagainya.¹⁰⁸ Rumah Perlindungan Nurul Hana (RPNH) berdaftar dengan JKM dan mendapat geran tahunan dalam bentuk bantuan kewangan sebagai galakan kepada RPNH yang berganding bahu dengan kerajaan untuk memenuhi keperluan sosial negara.¹⁰⁹

PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Dapat difahami bahawa seseorang anak tak sah taraf akan berhadapan situasi sukar dalam hidupnya, jika ibunya enggan memeliharanya sama ada disebabkan miskin, tidak mempunyai pendapatan tetap atau malu kepada keluarga dan masyarakat akibat perbuatan terkutuk yang dilakukan. Oleh itu, ibu tersebut mengambil jalan pintas dengan menyerahkan anaknya untuk dipelihara oleh waris ibu, contohnya nenek. Jika neneknya terdiri daripada orang berada dan berharta, maka isu kemampuan memberikan nafkah kepada anak tersebut tidak berbangkit sama sekali. Namun, jika neneknya terdiri daripada orang miskin, mempunyai anak lain yang masih kecil dan bersekolah, serta suaminya (datuk) tidak mempunyai pendapatan tetap dan pendapatan yang ada sekadar cukup untuk keperluan hidup, berkemungkinan neneknya akan menyerahkan anak tersebut kepada JKM atau keluarga angkat untuk dipelihara. Sebaliknya, jika ibu tersebut sanggup memelihara anaknya dan enggan menyerahkannya kepada waris tetapi berada dalam keadaan miskin dan tidak mempunyai pekerjaan untuk menyara nafkah anak tersebut, kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan kebajikan dan memberikan perlindungan kepada anak tak sah taraf. Kerajaan juga bertanggungjawab membantu ibu tersebut mendapat bantuan kewangan atau modal perniagaan yang sesuai. Bagi memastikan tanggungjawab menyara nafkah anak tak sah taraf tidak diabaikan, dikemukakan cadangan seperti yang berikut:

108 Siti Naquiah, Pegawai Komunikasi, Yayasan OrphanCARE, e-mel kepada penulis pada 29 Disember 2014, admin@orphancare.org.my.

109 Temu bual melalui telefon antara penulis dengan Dato' Hj. Daharah binti Ismail selaku Pengerusi Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Negeri Kedah (LKPI) pada jam 8.36 pagi, 16 Januari 2015.

1. Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atau menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) perlu menubuhkan jabatan nafkah di kementerian masing-masing. Mahkamah syariah diberikan kuasa mengarahkan jabatan tersebut memberikan nafkah kepada anak tak sah taraf mengikut kadar dan tempoh yang munasabah, jika ibu atau waris ibu tidak mampu menyara nafkah anak tak sah taraf. Proses pembayaran nafkah hendaklah bersifat segera tanpa perlu melalui prosedur yang ketat atau birokrasi tertentu.
2. Kerajaan mewujudkan Dana Khas berbentuk bantuan segera kepada anak tak sah taraf sekiranya kes kesahatarafan anak selesai diputuskan oleh mahkamah syariah. Contohnya, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) mewujudkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) bertujuan menyalurkan bantuan sara hidup sementara kepada isteri atau bekas isteri dan anak yang gagal mendapat nafkah daripada pihak yang wajib membayar nafkah.
3. Kerajaan mewujudkan Peraturan Khas mengikat “bapa” atas dasar tanggungjawab sosial untuk memberikan nafkah dan menjaga kebajikan anak tak sah taraf demi mengelakkan “bapa” bersikap lepas tangan.
4. Mahkamah syariah mengarahkan majikan membuat potongan gaji melalui Perintah Tahan Pendapatan Tenaga, jika ibu atau waris ibu yang bekerja tetapi cuai atau enggan membiayai nafkah anak tak sah taraf.
5. Baitulmal membuat peruntukan khas berkaitan nafkah anak tak sah taraf dalam bajet tahunannya. Bagi tujuan tersebut, mahkamah syariah hendaklah diberikan kuasa memerintahkan baitulmal menyara nafkah anak tak sah taraf, jika mahkamah mendapati ibu atau waris ibu tidak mampu menyara nafkah anak itu.
6. Institusi zakat di seluruh negeri memberikan bantuan bulanan kepada ibu atau waris ibu yang memelihara anak tak sah taraf setelah aduan atau laporan dikemukakan kepada institusi zakat berkenaan.
7. Agensi kerajaan seperti AIM dan TEKUN yang menjalankan program keusahawanan perlu memberikan bantuan modal kewangan, barangan, kursus kemahiran atau pengecualian apa-apa bayaran kepada ibu atau waris ibu sebagai insentif untuk mereka memulakan perniagaan.

8. JKM boleh mengeluarkan kad khas seperti kad OKU kepada ibu tersebut untuk memudahkan urusannya dengan mana-mana institusi yang boleh memberikan bantuan kewangan sebagai modal perniagaan.
9. JPN yang mempunyai rekod kelahiran dan maklumat keluarga ibu anak tak sah taraf boleh memanjangkan permohonan bantuan kewangan kepada baitulmal dan institusi zakat di setiap negeri setelah menyedari ibu atau waris ibu dalam kedaifan yang terbeban dengan tanggungjawab memelihara anak tersebut.

KESIMPULAN

Anak tak sah taraf akibat perzinaan tidak boleh dipersalahkan kerana mereka tidak berdosa, tidak menanggung dosa kedua-dua ibu bapanya, bahkan mereka tetap mempunyai hak yang serupa untuk menikmati kesempurnaan hidup sama seperti anak yang sah taraf. Perlakuan sumbang kedua-dua ibu bapanya tidak memutuskan hubungan nasab anak tersebut dengan ibunya. Seseorang wanita yang melahirkan anak tak sah taraf berkewajipan menyara nafkah anaknya. Sekiranya ibunya tidak mampu menyara nafkah tersebut, kewajipan tersebut akan berpindah kepada waris ibu dan seterusnya akan ditanggung oleh pemerintah jika waris ibu juga berhalangan untuk memberikan nafkah. Peruntukan undang-undang jelas mengiktiraf, memelihara dan melindungi hak anak tak sah taraf meskipun terdapat beberapa kelemahan dari aspek pelaksanaannya. Anak tak sah taraf diharapkan menjadi insan yang soleh dan berguna, serta dapat berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

RUJUKAN

- Abdullah Basmei, 1998. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikri.
- Abdul Halim ‘Uwais, 1426H/2005M. *Mausu’ah al-Fiqh al-Islami al-Mu’asiri*. Mansurah: Dar al-Wafa’.
- Abdul Rahman bin al-Juzairi, 2001. “Bab al-Nikah Wa al-Talaq” dlm. *Al-Fiqh ‘ala al-Mazahib al-Arba’ah*. Juzuk 4. Kaherah: Muassasah al-Mukhtar.
- Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan), 1984 (Akta 303).
- al-Baghawi, Al-Imam Abi Muhammad al-Hussain bin Mas’ud bin Muhammad bin al-Farra’, 1418H/1997M. *Al-Tahzib fi Fiqhi al-Imam al-Syafi*. Juzuk 6. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Alamiyyah.
- al-Bukhari, Al-Imam Abi Abdullah Muhammad bin Ismail, 1428H/2007M. Sahih Bukhari. “Bab al-Waladu li Firash” dlm. *Kitab al-Faraid*. Hadis No. 6749. Beirut: Dar al-Ma’arifah.
- al-Dawish, Ahmad bin Abd al-Razak, 1423H/2002M. *Fatawa Al-Lujnah Al-Daimah li Mabhus Al-‘Alamiah Wa al-Ifta’*. Riyadh: Al-Mamlakah Al-‘Arabiyyah As-Su’udiyah. Muassasah Al-Amirah.
- ‘Ali Abdul Rahim ‘Amir, 1433H/2012M. *Ahkam al-Ishtibah fi al-Nasab fi Fiqh al-Islami*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Imam Al-‘Allamah Ibn Manzur, 1423H/2003M. *Lisanul ‘Arab*. Juzuk 8. Kaherah: Dar al-Hadis.
- al-Jurjani, Ali ibn Muhammad ibn Ali al-Sayyid al-Zayn Abi al-Hasan, 1375H/1938M. *Al-Ta’rifat*. Kaherah: Sharikat wa Maktabat wa Matba’at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh.
- al-Imam al-Hafiz Ahmad bin ‘Ali bin Hajar al-Asqalani, 1426H/2005M. “Bab Syira’ al-Mamluk min al-Harabiyy wa Hibatihi wa ‘Itaqihi” dlm. *Fathu al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*.
- al-Harabiyy Wa Hibatihi Wa ‘Itaqihi” dlm. *Kitab al-Buyu’*. Hadis, No. 2218. Juzuk 4. Beirut: Darul Kitab al-‘Alamiyyah.
- al-Imam al-Hafiz Muslim bin Hujjaj al-Naisaburi, 1428H/2007M. Sahih Muslim. “Bab al-Waladu Lil Firash” dlm. *Kitab Al-Radha’*. Hadis No. 3598. Beirut: Dar al-Makrifah.
- al-Kasani, ‘Ala al-Din Abu Bakr bin Mas’ud al-Kasani al-Hanafi, 1328H/1907M. *Bada’i al-Sana’i*. Juzuk 4. Kaherah: Matba’ah al-Jamaliyyah.
- al-Marghinani, Burhanuddin Ali ibn Abi Bakr, 1420H/2000M. *Al-Hidayah*

- Sharh Bidayat al-Mubtadi*. Jilid 3. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Qurtubi, Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansori, 1428H/2007M. *al-Jami' Li Ahkam Ahkam Al-Quran*. Juzuk 3. Kaherah: Dar al-Hadis.
- al-Ramli, Shams al-Din, Muhammad ibn Abi al-Abbas Ahmad ibn Hamzah ibn Shihab al-Din, 1357M/1938M. *Nihayat al-Muhtaj*. Jilid 7. Kaherah: Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh.
- al-Syafii, Muhammad al-Amin bin Abdullah al-Ruumi al-'Alawi al-Harari, 1430H/2009M. "Bab al-Radha'" dlm. *Syarah Sahih Muslim*. Hadis No. 3493. Juzuk 16. Jeddah: Dar al-Manhaji.
- al-Syarbini, Shamsu ad-din Muhammad bin al-Khatib, 1371M/1958M. *Mughni al-Muhtaj*. Jilid 3. Kaherah: Sharikat wa Maktabat wa Matba'at Mustafa al-Babiyy al-Halabiyy wa Awladuh.
- al-Syarbini, Shamsu ad-din Muhammad bin al-Khatib, 1418H/1997M. *Mughni al-Muhtaj*. Juzuk 3. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Badruddin Ibrahim dan Azizah Mohd., "Hak Anak terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam: Sejauhmanakah Bapa Bertanggungjawab Menyara Nafkah Anak" dlm. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia* 25:2, hlm. 256, 2013.
- Che Maryam Ahmad, 2004. "Penentuan Nasab dan Amalannya di Mahkamah Syariah di Malaysia" dlm. Zaini Nasohah *et al.* (ed.). *Syariah dan Undang-undang: Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Kedah), 2008 (Enakmen 11).
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Enakmen 11).
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Perlis) 2006 (Enakmen 7).
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Selangor) 2003 (Enakmen 2).
- Faisal bin Abdul Gha'rizal Mubarak, 1433H/2002M. "Bab al-Nafaqah 'ala al-'Iyal" dlm. *Tadriz Riyadh al-Solehin*. Riyadh: Dar al-'Asimah.
- Hasnizam Hashim, "Beban Pembuktian dalam Kes Wanita Hamil Luar Nikah: Satu Huraian dari sudut Undang-undang Keterangan Islam dan seksyen 50 enakmen Jenayah (Syariah) Perak, 1992" dlm. *Jurnal Hukum* 35:2, hlm. 205, 2012.
- Ibnu Abidin, Muhammad Amin, 1386H/1966M. *Mughni al-Muhtaj*. Jilid 3. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah Ibn Ahmad, t.th. *Al-Mugni*. Jilid 7. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah al-Arabiyyah.
- Ibnu Rushd al-Qurtubi, Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Ahmad,

- 1415H/1994M. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Jilid 2. Kaherah: Maktabah al-Khanji.
- Imam Taqiyuddin Abi Bakr bin Muhammad al-Husaini, 1429H/2008M. *Kifayah al-Akhyar fi Hilli Gha'yah al-Ikhtisor*. Juzuk 2. Beirut: Dar al-Minhaji.
- Institut Kemahiran Baitulmal melalui <http://www.maiwp.gov.my/i/index.php/perkhidmatan-kami/> (Capaian pada 23 Julai 2015).
- Institut Profesional Baitulmal melalui <http://www.ipb.edu.my/mengenai-kami/> (Capaian pada 23 Julai 2015).
- Irwan Mohd. Subri *et al.*, 2013. “Mem“bin/binti”kan Anak Tak Sah Taraf menurut Perspektif Syarak, Undang-undang dan Sosial” dalam Laporan Eksekutif Perundingan Penyelidikan USIM dengan kerjasama JAKIM dalam Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Ipoh, 9 Mac 2013.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. “Pembangunan Kanak-Kanak” melalui http://www.jkm.gov.my/mobile/index.php?pagename=pembangunan_kanak-kanak&lang=2 (Capaian pada 15 Mac 2015).
- Jabatan Mufti Negeri Kedah, 2011. “Fatwa mengenai Larangan Anak Tak Sah Taraf” dlm. *Warta Kerajaan Negeri Kedah. Enakmen Mufti dan Fatwa [Kedah Darul Aman] 2008*. Jilid 54. No. 13.
- Jabatan Pendaftaran Negeri Kedah. Surat rasmi kepada penulis, 12 Januari 2015.
- Jam’u Jawami’ al-Ahadis wa al-Asanid wa Maknin al-Sihhah wa al-Sunan wa al-Masanid, 1431H/2010M. Sahih Bukhari. *Kitab al-Nafaqaat*. Juzuk 3. Kaherah: Jam’iah al-Maktabah al-Islami.
- “Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat” melalui <http://www.kpwkm.gov.my>. (Capaian pada 25 April 2014).
- Khadijah al-Nabarawi, 1427H/2006. *Mausu’ah Huquq al-Insan Fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar, Kedah. Siti Nur Azira binti Hj. Abdul Wan Hamzah Wan Paie. “Isu terhadap Jawapan YB Timbalan Menteri Dalam Negeri tentang Statistik Kes Rogol Gadis Bawah Umur” melalui <http://www.moha.gov.my/index.php/en/kenyataan-media-akhbar>, 21 Mac 2014 (Capaian pada 1 Mei 2014).
- Yusuf al-Qaradhawi, 2009. *Fiqh: Ekonomi Islam*. Diterjemah oleh Mohamad Dahlan Haji Arshad. Kuala Lumpur: Blue-T Publication Sdn. Bhd.
- Zaki al-Din Sya’ban, 1993. *al-Ahkam al-Syariyyah lil Ahwal al-Syaksiah*. Banghazi: Jamiah Qar Yunus.